

INFORMASI



Buletin Bulanan Persatuan Badan Kebajikan Jabatan Agama Islam Selangor (BAKAJASA)



Berita Utama

**Mesyuarat Agung
Tahunan
BAKAJASA 2023
Kali Ke-22**

**Penyertaan Agensi
Islam Selangor Ke
IJPAM 2023**

**Majlis Hi-Tea Duli
Yang Maha Mulia
Tengku Permaisuri
Selangor**

**Program ECO Free
Market Edisi
Disember 2023**

**Majlis Hi-Tea
Meraikan Para Ibu
Tahun 2024**



Mesyuarat Agung Tahunan BAKAJASA 2023 Kali Ke-22

Mesyuarat Agung Kali Ke-22/2023 telah diadakan pada 14 November 2023, Selasa secara di dalam talian pada pukul 8.30 pagi. Seramai 300 ahli yang menyertai mesyuarat tersebut dan sebanyak lebih kurang 130 cabutan bertuah disediakan untuk ahli yang hadir dan jumlah hadiah keseluruhan bagi cabutan bertuah adalah sebanyak RM3,000.00.



Syabas & Tahniah Kontinjen Selangor!

BAKAJASA telah memberikan sumbangan kepada Kontinjen Selangor yang menyertai Kejohanan Sukan Ijtimak Perdana Agensi Agama Malaysia (IJPAM) Tahun 2023 yang berlangsung di Likas, Sabah. Ahli BAKAJASA dan kakitangan JAIS, Majlis Agama Islam Selangor dan agensi-agensi agama Islam Negeri Selangor telah terpilih untuk mewakili Negeri Selangor dalam 10 acara yang dipertandingkan. Kontinjen Selangor telah meraih Naib Juara daripada 22 kontinjen yang menyertai kejohanan sukan tersebut pada 30 September hingga 6 Oktober 2023.



"Talent wins games, but teamwork and intelligence win championship."

-Michael Jordan-

Peduli & Prihatin

Pelbagai pahit manis dilalui oleh ahli BAKAJASA sepanjang tempoh 2023 - 2024 yang penuh mencabar ini. Sepanjang tempoh tersebut, kebajikan ahli BAKAJASA sentiasa menjadi keutamaan selaras dengan perlembagaan BAKAJASA. Sehingga bulan September 2024, BAKAJASA melalui Biro Kebajikan dan Dakwah telah menyampaikan melebihi 241 sumbangan dari pelbagai kategori. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada semua ahli BAKAJASA yang komited memberikan sumbangan dan sentiasa mengambil berat dengan kebajikan ahli BAKAJASA.

SUMBANGAN BAKAJASA KEPADA AHLI BAKAJASA SEPANJANG TEMPOH 2023-2024

BIL.	SUMBANGAN	JUMLAH PERMOHONAN TAHUN 2023	JUMLAH PERMOHONAN TAHUN 2024
1	KELAHIRAN	34	18
2	KEMALANGAN / KECEMASAN	62	41
3	KHAIRAT KEMATIAN AHLI	28	7
4	MENUNAIKAN HAJI	8	1
5	PERKAHWINAN	9	5
6	PERSARAAN	2	0
7	SKIM GALAKAN MELANJUTKAN PELAJARAN - IJAZAH / MASTER / PHD	2	1
8	SKIM GALAKAN PELAJAR CEMERLANG - PT3 / SMA / SPM / STAM / STPM	13	10
JUMLAH PERMOHONAN		158	83

Warna-warna sepanjang tahun 2023-2024



Majlis Hi-Tea Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor



Persatuan Badan Kebajikan Jabatan Agama Islam Selangor (BAKAJASA) telah berjaya menganjurkan Majlis Hi-Tea Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin Bersama Persatuan Badan Kebajikan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (BAKAJASA) pada hari Sabtu bertarikh 10/6/2023 yang lalu. Tengku Pemaaisuri Selangor telah berkenan berangkat hadir pada majlis tersebut yang telah diadakan di Banquet Orkid, Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Buat julung kali majlis ini diadakan dengan kehadiran hampir 300 orang ahli BAKAJASA adalah bertujuan untuk beramah mesra dan mengenali lebih rapat dengan DYMM Tengku Permaisuri Selangor serta mengeratkan ukhuwah di kalangan ahli-ahli BAKAJASA. Majlis ini turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Y.A.Bhg. Datin Seri Masdiana Binti Muhammad, Yang Di -Pertua PEKAWANIS dan Y.Bhg. Datin Padiah Binti Sopian, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor .

Majlis bermula jam 3.00 petang dengan keberangkatan tiba Tengku Permaisuri Selangor, kemudian disusuli dengan sesi bergambar, Alunan Asmaul Husna, bacaan doa dan sembah ucapan alu-aluan oleh Timbalan Yang Di-Pertua BAKAJASA, Y.Bhg Puan Salwana binti Ahmad Dahlan. Selain itu, majlis ini turut diisi dengan slot sembang santai Bicara Wanita : Ada Apa Dengan Hati yang disampaikan oleh Y.Brs. Ustazah Muzayyanah Abdullah.

Tengku Permaisuri Norashikin turut berkenan menyampaikan sumbangan kebajikan kepada 20 orang ahli BAKAJASA yang ditimpa bencana alam, kematian ahli keluarga, kelahiran cahaya mata dan kecemerlangan dengan jumlah sumbangan sebanyak RM4,000.00. Majlis berakhir sekitar jam 4.30 petang dan Tengku Permaisuri Selangor berkenan untuk bergambar bersama-sama ahli yang hadir sebagai kenangan terindah Bersama Tengku Pemaaisuri Selangor.

Program ECO Free Market Edisi Disember 2023



Persatuan Badan Kebajikan Jabatan Agama Islam Selangor (BAKAJASA) telah memberi kerjasama mengajurkan Program Eco Free Market Edisi Disember 2023 yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 10 Disember 2023 (Ahad), bermula jam 7.00 pagi sehingga 12.00 tengahari bertempat Jalan Persidangan Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Program ini adalah bertujuan untuk menyumbangkan barangan terpakai kepada mereka yang memerlukan. Barangan tersebut disumbangkan oleh ahli BAKAJASA dan kakitangan JAIS. Kesemua barang yang disumbangkan telah habis diedarkan ketika program tersebut berlangsung.

Majlis Hi-Tea Meraikan Para Ibu Tahun 2024



Persatuan Badan Kebajikan Jabatan Agama Islam Selangor (BAKAJASA) dengan kerjasama Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS telah berjaya menganjurkan Majlis Hi-Tea Meraikan Para Ibu Tahun 2024 pada hari Selasa bertarikh 4/6/2024 yang lalu. Tengku Pemaistri Selangor telah berkenan berangkat hadir pada majlis tersebut yang telah diadakan di Banquet Orkid, Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Majlis ini turut diisi dengan slot sembang santai yang disampaikan oleh tetamu jemputan khas Puan Zarina Binti Zainuddin. Reruai jualan turut dibuka oleh sebahagian ahli BAKAJASA.

Di akhir majlis telah diadakan cabutan bertuah buat peserta yang hadir bagi memeriahkan acara majlis pada hari tersebut.

Jom Daftar BAKAJASA





BAKAJASA

Persatuan Badan Kerbajikan Jabatan
Agama Islam Selangor

Tentang BAKAJASA

BAKAJASA - Nama ringkasan Persatuan Badan Kerbajikan Jabatan Agama Islam Selangor.
Ditubuhkan pada 18 Oktober 1977 dan didaftarkan dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Tujuan

Menyatukan kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor dengan ikatan kekeluargaan Islam yang kukuh.

Kerbajikan & Sumbangan



**Sumbangan
Perkahwinan**

Ahli yang bernikah
RM200.00



**Sumbangan
Kelahiran**

Ahli / Pasangan
RM200.00



**Sumbangan
Kematian**

Ahli / Pasangan /
anak kandung / ibu bapa
RM200.00



Layari Laman Web Untuk Maklumat Lanjut
<https://www.jais.gov.my>

Jom Daftar BAKAJASA



BAKAJASA
Persatuan Badan Kebajikan Jabatan
Agama Islam Selangor

Kebajikan & Sumbangan



Skim Galakan Pelajar Cemerlang
Anak ahli yang cemerlang di dalam peperiksaan
UPSR (6A) RM100.00
PSRA (Mumtaz) RM100.00



Skim Galakan Lanjut Pelajaran
Ahli yang diterima masuk belajar di IPT
Diploma RM200.00
Ijazah RM300.00
Master RM400.00
PHD RM500.00



Kemalangan / Kecemasan
Ahli / pasangan / anak kandung
RM200.00



Persaraan
Ahli RM300.00



Menunaikan Haji
Ahli RM300.00



Sila Imbas QR Untuk Mendaftar Keahlian



Layari Laman Web Untuk Maklumat Lanjut
<https://www.jais.gov.my>

Pemutihan Keahlian BAKAJASA

Program PEMUTIHAN KEAHLIAN BAKAJASA

SILA IMBAS



1. IMBAS KOD QR
2. LENGKAPKAN BORANG
3. PASTIKAN MAKLUMAT SIKIP DENGAN BETUL
4. HANTAR ENTRI

Persatuan Badan Kebajikan Jabatan Agama Islam Selangor (BAKAJASA) sedang membuat pemutihan keahlian bagi menegmaskini maklumat terkini ahli BAKAJASA.

Sehubungan dengan itu, ahli adalah diminta untuk mengisi borang pemutihan melalui QR Code seperti yang tertera di poster yang disediakan dengan kadar segera.

Kemeriahan Jualan Hari Gaji

BAKAJASA melalui Jawatankuasa Ekonomi telah melaksanakan sewaan tapak gerai jualan hari gaji di Ground Floor BSIS pada setiap bulan pada minggu gaji bagi meningkatkan dana BAKAJASA. Jualan hari gaji telah mendapat sambutan hangat dari ahli BAKAJASA, kakitangan JAIS dan pengunjung dalam tempoh 2 tahun dilaksanakan, Oleh itu, ahli dan kakitangan di BSIS dialu-alukan untuk terus memberi sokongan kepada penjual dengan mematuhi waktu berkerja di pejabat.



Buletin disediakan oleh Jawatankuasa Penerangan dan Penerbitan.
Ahli boleh menyumbangkan bahan berita dan aktiviti melalui emel
urusan.bakajasa@gmail.com